kaunselingRemaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Persahabatan musnah angkara fitnah

Kawan wanita abang angkat tabur pelbagai cerita

Soalan

SAYA remaja lelaki yang masih bersekolah dan mempunyai masalah dalam persahabatan. Tahun lalu, saya mengenali seorang rakan yang tua setahun daripada saya. Persahabatan kami semakin erat apabila dia mengambil saya menjadi adik angkatnya.

Dia sangat baik dan menjadi tempat untuk saya mengadu jika ada masalah. Dia juga banyak memberi dorongan dan sentiasa mengajar saya menjadi manusia yang sentiasa menjaga perasaan orang lain serta tidak membuat perkara negatif.

Ramadan lalu, saya menerima satu kiriman SMS yang memaki-hamun dan menyatakan saya menjadi punca keretakan hubungan abang angkat dengan seorang perempuan.

Perempuan itu juga menabur pelbagai cerita tidak baik kepada abang angkat sehingga dia membenci saya. Saya cuba menceritakan perkara sebenar, tetapi saya tetap dipersalahkan. Persahabatan kami sudah berakhir.

Saya cuba melupakan dia dan menganggapnya sudah mati, tetapi gagal. Saya bosan kerana tidak boleh melupakan apa yang terjadi.

Saya sangat berharap Dr dapat memberi tips apa yang patut dilakukan.

Remaja Fobia,
Johor

Jawapan

DR memahami penderitaan adik. Sikap abang angkat yang dulunya sangat baik dan banyak memberi dorongan serta kata-kata semangat menyebabkan adik amat menghargai persahabatan itu.

Namun, adik menghadapi dugaan dalam persahabatan apabila abang angkat membuang adik angkara fitnah. Kesannya, adik mula bosan hidup dan masih tidak boleh melupakan apa yang terjadi.

Apa yang dialami memang sesuatu yang normal kerana adik kehilangan sesuatu yang amat berharga dalam hidup iaitu seseorang yang dapat memahami diri.

Kini, apa yang tinggal ialah kenangan manis dan harapan adik supaya keadaan boleh kembali seperti dahulu.

Dr faham mengapa usaha adik cuba melupakan abang angkat dan menganggapnya sudah mati tidak berjaya. Usaha bersungguh-sungguh adik melupakan abang angkat adalah juga seperti melupakan diri adik sendiri. Ini kerana adik sendiri melalui dan mengalami bersama saat-saat manis itu.

Dalam keadaan emosi abang angkat yang tidak dapat melihat kenyataan sebenar, memang sukar untuk adik mendapat balik kepercayaan dirinya. Apa yang adik boleh lakukan ialah biarkan abang angkat dengan perasaan, andaian dan persepsi terhadap adik.

Dr harapkan apabila abang angkat sudah dapat berfikir dan beremosi dengan tenang, dia akan dapat melihat perhubungan ini secara positif.

Ketika itu, adik boleh berusaha untuk mendapatkan balik kepercayaan. Namun, adik perlu bersedia jika keadaan tidak seperti dahulu.

Jika abang angkat tetap dingin untuk membaiki persahabatan, itu adalah pilihan dia. Adik perlu menghormatinya.

Mengingati abang angkat dan mengamalkan nilai-nilai baik yang diajarnya adalah tanda adik menghargai persahabatan yang dijalin bersama.

Sikap adik yang sentiasa memandang positif persahabatan ini mungkin menyedarkan abang angkat bahawa adik adalah antara perkara terbaik pernah berlaku dalam hidupnya.